

Ketua misi Malaysia diminta jadi diplomat global

KUALA LUMPUR 5 April - Datuk Seri Najib Tun Razak meminta ketua-ketua misi Malaysia menjadi diplomat global yang mampu berfikir global dan berupaya memahami budaya tempatan negara tuan rumah.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, sebagai diplomat global, ketua-ketua misi Malaysia perlu berkemampuan membina hubungan pada peringkat lebih tinggi dan mewakili kepentingan negara dalam politik dan ekonomi.

"Menjadi diplomat global bukan setakat menyatakan pendirian kerajaan terhadap sesuatu isu tetapi perlu memahami hubungan dua hala lebih luas dan mengenali

kumpulan-kumpulan yang bergerak di peringkat global dan serantau.

Pada peringkat tempatan, diplomat global perlu memahami sebagai pemimpin dalam kumpulan masyarakat yang berpengaruh dalam bidang sosial dan politik negara tuan rumah demi kepentingan Malaysia, katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebelum mengadakan dialog dengan Ketua-Ketua Misi Malaysia di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) yang turut dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di sini hari ini.

Najib mencadangkan, sebagai diplomat global, ketua-ketua misi Malaysia perlu mahir dalam tiga perkara di peringkat global.

Um- 6/4/2007
Pertama kata beliau, mereka perlu berfikir strategik bagi memahami dan menganalisis mengenai kebimbangan global seperti perubahan iklim, penularan penyakit berjangkit, perdagangan bebas, kebangkitan China dan India serta penguasaan Amerika Syarikat dalam politik serta ekonomi.

kedua ujarinya, mereka perlu berupaya mengetahui dan membentuk ASEAN di luar Asia Tenggara memandangkan pertubuhan serantau itu merupakan platform bagi negara ini melibatkan diri dalam isu-isu global.

"Ketiganya, sebagai diplomat global, ketua-ketua misi Malaysia mampu mempromosikan Malaysia di mata dunia," katanya.

Najib memberitahu, ketua-ketua misi

Malaysia juga mesti berupaya memahami budaya tempatan dan menjadi sebahagian daripada masyarakat negara tuan rumah.

Katanyanya termasuk memahami bahasa dan berupaya bertutur dalam bahasa tuan rumah kerana ia mampu mengeratkan dengan mendalam mengenai budaya, agama dan nilai-nilai tempatan yang dapat memberi faedah kepada Malaysia.

Beliau menambah, ketua-ketua misi Malaysia juga perlu membina reputasi baik di negara tuan rumah dan perkara ini boleh dicapai dengan mengadakan hubungan baik dengan pihak media di negara terlibat serta meningkatkan diplomasi dengan masyarakat setempat.